

01/08/2002

Usaha tubuh Sekretariat Asean+3 diterus

KUALA LUMPUR, Rabu - Malaysia akan terus mendesak supaya penubuhan Sekretariat Asean+3 menjadi kenyataan kerana mekanisme itu dilihat sebagai permulaan ke arah pembentukan rasmi Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG).

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang kecewa kerana Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Asean (AMM) berakhir di Brunei semalam gagal mencapai kata sepakat berhubung penubuhan sekretariat itu di sini berkata, Malaysia akan terus berusaha ke arah itu.

"Ya, kita sangat kecewa bahawa negara lain tidak berminat untuk mempunyai sekretariat ini, tapi kita akan teruskan usaha ke arah itu," katanya selepas melancarkan program Utamakan Keluarga - Semakin Hari Semakin Sayang anjuran Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga di sini, hari ini.

Tawaran Malaysia untuk menubuhkan Sekretariat Asean+3 di Kuala Lumpur tidak mencapai kata sepakat, sebaliknya AMM ke-35 di Bandar Seri Begawan memutuskan supaya hanya sebuah unit ditubuhkan bagi tujuan itu dalam Sekretariat Asean di Jakarta.

Asean+3 adalah kerjasama Asean dengan Jepun, Korea Selatan dan China bagi mengukuhkan hubungan dan perdagangan di rantau ini.

Dr Mahathir berkata, terpulang kepada mana-mana negara Asean yang mengatakan penubuhan Sekretariat Asean+3 seumpama itu sebagai drastik atau terlalu awal.

Beliau menolak andaian bahawa penubuhan sekretariat seumpama itu akan menyebabkan Sekretariat Asean di Jakarta itu menjadi tidak relevan

"Saya tidak fikir begitu. Asean adalah Asean, ini Asean+3," katanya.

Kelmarin, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata proses dan aktiviti Asean+3 akan diteruskan di pelbagai peringkat walaupun tiada persetujuan dicapai pada peringkat ini untuk mewujudkan sekretariat di Malaysia seperti ditawarkan Kuala Lumpur.

Jepun dan Korea Selatan menyatakan sokongan kepada penubuhan Sekretariat Asean+3 di Kuala Lumpur ketika Dr Mahathir mengadakan lawatan ke dua negara itu Mei lalu.

China juga sebelum ini menyatakan pendirian yang sama.

Bagaimanapun difahamkan, Singapura dan Indonesia kurang berminat terhadap cadangan berkenaan.

Mengenai cadangan Amerika Syarikat supaya pusat serantau seperti institut ditubuhkan di Malaysia bagi menyelaraskan semua kegiatan antikeganasan, Dr Mahathir berkata pihaknya akan mengkaji apa sebenarnya cadangan itu.

"Kita mahu tahu butiran lanjut," katanya. Semalam, Syed Hamid berkata cadangan itu dikemukakan oleh Setiausaha Negara Amerika, Colin Powell dalam pertemuannya di Putrajaya supaya pusat itu dijadikan wadah perbincangan kaedah terbaik menangani keganasan.

Diminta mengulas penghargaan Amerika kepada Malaysia kerana bukan saja memainkan peranan positif memerangi keganasan, malah membantu meredakan konflik di selatan Filipina, Dr Mahathir berkata:

"Kita sudah memberi komitmen bahawa kita akan menentang keganasan dan kita akan tunaikan janji itu," katanya.